

'Kerajaan sentiasa berusaha selamatkan rakyat'

BH - 27/7/2021 m/s: 3

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan kerajaan tidak berpeluk tubuh membiarkan rakyat menderita, malah sentiasa bergerak dan bertindak untuk menyelamatkan nyawa serta kehidupan rakyat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memahami keresahan dan kebimbangan rakyat apabila angka kes harian COVID-19 menunjukkan peningkatan.

"Benar, kerajaan ini tidak sempurna. Tetapi, apa yang benar juga ialah kerajaan hari ini tidak berpeluk tubuh membiarkan rakyat menderita, malah sentiasa bergerak dan bertindak untuk menyelamatkan nyawa dan kehidupan rakyat," katanya ketika menyampaikan penerangan mengenai Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada sidang khas Dewan Rakyat, semalam.

Muhyiddin berkata, satu-satunya kaedah yang paling berkesan untuk negara segera keluar da-

ripada kemelut pandemik COVID-19 adalah dengan meningkatkan kapasiti pemberian vaksin kepada rakyat.

Malaysia katanya, merupakan antara negara terpantas divaksinasi penduduknya dengan kapasiti kadar suntikan mencapai lebih 500,000 dos sehari ketika ini.

"Apa yang penting kita mesti bersolidariti dalam menghadapi zaman yang sukar ini.

"Tidak usah kita berbalah dan menuding jari kerana di sana, ada rakyat yang jiwanya sengsara, ada bapa yang tenggelam punca, ada anak yang menderita, manakala barisan hadapan kita terus terbeban dan hospital semakin tertekan.

"Marilah kita berganding bahu, mencari berkat dan meraih jaya pada setiap usaha sama. Bulat air kerana pemetung, bulat kita kerana muafakat. Bersatu kita pasti teguh, bercerai kita roboh," katanya.

“Apa yang penting kita mesti bersolidariti dalam menghadapi zaman yang sukar ini. Tidak usah kita berbalah dan menuding jari kerana di sana, ada rakyat yang jiwanya sengsara, ada bapa yang tenggelam punca, ada anak yang menderita, manakala barisan hadapan kita terus terbeban”

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

Perdana Menteri menjelaskan, PPN adalah pelan pemulihan yang memberi tumpuan kepada strategi untuk keluar daripada ancaman COVID-19 secara selamat dan sistematik.

Katanya, fasa yang digariskan di bawah PPN tertumpu kepada usaha meringankan beban ke atas kapasiti sistem kesihatan awam, membuka semula sektor ekonomi dan membenarkan aktiviti sosial dalam tempoh masa enam bulan sehingga akhir tahun ini.

Perdana Menteri menegaskan, PPN tidak statik tetapi dinamik, komprehensif dan boleh ditambah baik mengikut keperluan dan situasi semasa.

Katanya, secara keseluruhan, PPN antara inisiatif kerajaan untuk memberi tumpuan kepada pembukaan semula ekonomi dan aktiviti sosial secara teratur dan berperingkat.

Beliau juga menjelaskan strategi peralihan keluar daripada

krisis COVID-19 melalui PPN dibuat secara berfasa.

Ia merangkumi empat fasa dengan peralihan sesebuah negeri dari satu fasa ke fasa yang selanjutnya membabitkan pembukaan aktiviti ekonomi dan sosial secara beransur.

"Peralihan ke suatu fasa tidak mengikut jadual masa, tetapi berlandaskan pencapaian kita bersama untuk mengurangkan kadar penularan COVID-19, mengurangkan tekanan kapasiti sistem kesihatan serta meningkatkan tahap perlindungan rakyat menerusi suntikan vaksin.

"Pelan pemulihan seperti ini turut dilaksanakan oleh banyak negara antaranya United Kingdom, Australia dan Singapura. Kita belajar; meneliti dan mengambil amalan terbaik dari negara itu supaya acuan PPN ini dapat dijadikan panduan penting dan sebagai asas kepada proses pemulihan negara," katanya.